



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	9/1/2020	MUKA SURAT	: 31
JABATAN	:	JPSM		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

## Kerajaan Perak arah kemuka cadangan kawasan lain

IPOH - Kerajaan Perak telah mengarahkan syarikat-syarikat yang terlibat dalam pembangunan ladang hutan di negeri ini mengemukakan cadangan kawasan lain.

Gesaan itu berikutan semakan oleh Jabatan Perhutanan negeri mendapati kawasan yang dicadangkan sebelum ini tidak sesuai untuk pembangunan ladang hutan.

Menurut satu kenyataan dikeluarkan Pejabat Menteri Besar Perak semalam, kerajaan negeri telah mengurangkan hampir separuh Zon Pembangunan

### PEMBANGUNAN LADANG HUTAN

Ladang Hutan seluas 61,189 hektar yang diluluskan oleh pentadbiran terdahulu.

“Kelulusan Zon Pembangunan Ladang Hutan ini dikeluarkan oleh Majlis Tanah Negara pada 2012 dan daripada 439,000 hektar yang diluluskan seluruh negara, 100,000 hektar terletak di dalam Hutan Simpan Kekal Negeri Perak.

“Daripada jumlah ini, hanya 7,828 hektar telah diusahakan manakala selebihnya masih dalam proses seperti penyediaan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Rancangan Pengurusan

Hutan,” katanya.

Kenyataan berkenaan dikeluarkan bagi mengulas bantahan dikemukakan Sahabat Alam Malaysia (SAM), Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa) bersama masyarakat orang asli menerusi satu memorandum kepada Pejabat Menteri Besar Perak semalam.

Memorandum berkenaan antara lain membantah pembangunan ladang hutan dalam kawasan Hutan Simpan Kekal iaitu di Hutan Simpan Bukit Kinta, Hutan Simpan Korbu dan Hutan Simpan Piah yang merupakan kawasan melibatkan penempatan

orang asli mendapatkan hasil hutan.

Kenyataan itu turut menyebut bahawa kelulusan untuk mengusahakan ladang hutan di Hutan Simpan Bukit Kinta merupakan kelulusan dasar dan masih termaktub sepenuhnya kepada semakan Jabatan Perhutanan negeri dan laporan EIA.

“Semua permohonan mesti melalui proses yang ditetapkan kerajaan. Kelulusan akhir sesuatu cadangan projek hanya akan diberikan sekiranya semua peraturan dan garis panduan ditetapkan oleh agensi-agensi berkaitan dipatuhi sepenuhnya,” katanya.